

Bab 3

BAB KETIGA

MUNAFIK DAN PERSOALAN-PERSOALANNYA

3.0 PENDAHULUAN

Munafik adalah musuh Islam yang paling bahaya. Ini kerana ia menyerang dari dalam seperti “api di dalam sekam”. Musuh-musuh lain dapat dilihat dengan nyata tetapi munafik tidak dapat ditanggapi melainkan melalui pengamatan sifat dan tanda-tandanya.

Kajian bab ketiga ini akan mendekati persoalan munafik dengan lebih tuntas dengan mengutamakan aspek-aspek penting perihal munafik.

3.1 Makna Munafik

3.1.1 Dari Sudut Bahasa

Ibn ‘Ubayd berkata : Munafik berasal dari *al-nafaq* (النفاق) yang bererti

lubang biawak di bawah tanah.¹

¹ Muhammad Bin Mukram bin Manẓūr, al-Afriqī al-Miṣri Ibn Manẓūr, (t.t), *Lisān al-‘Arab*, Beirut : Dār Ṣādir, jil. 10, hal. 359. Selepas ini disebut Ibn Manẓūr sahaja.

Ini kerana, perilaku munafik adalah seumpama biawak. Biawak masuk ke lubang yang dinamakan *al-Nāfiqā* (النافق) dan keluar dari lubang *al-Qāṣi'ā* (القاصم) atau sebaliknya. Ia akan menyembunyikan lubang yang pertama dan menunjukkan lubang yang kedua atau sebaliknya. Antara lain, ia adalah bertujuan untuk menyelamatkan diri dari musuh dan sebagai kaedah mempertahankan diri ketika terdesak. Ini sama sahaja dengan identiti munafik yang bermuka-muka menyokong satu puak dan menentanginya pada waktu yang lain.²

3.1.2 Dari Sudut Istilah

Ibn Manẓūr mentakrifkan *nifāq* sebagai : menerima Islam pada suatu keadaan dan menolaknya pada keadaan yang lain.³

Ibn Kathīr pula mentakrifkan *nifāq* sebagai menzahirkan kebaikan dan menyembunyikan kejahatan.⁴

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ Isma'īl bin 'Umar bin Kathīr, (1401H), *Tafsīr Al-Quran Al-'Aẓīm*, Beirut : Dār al-Fikr, jil 2, hal.364. Selepas disebut Ibn Kathīr sahaja.

Fayrūz Abādi pula mentakrifkan *nifāq* itu sebagai menyembunyikan kekufuran dan dalam waktu yang sama menzahirkan keimanan.⁵

Kesimpulannya, walaupun terdapat sedikit perbezaan di antara tafsiran para ulama namun, mereka bersetuju bahawa *nifāq* ialah menzahirkan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang ada di dalam hati.

Ini seperti Firman Allah (Ala و Jā),

يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ

Maksudnya : “Mereka berkata dengan lidah-lidah mereka, apa yang tiada di dalam hati mereka”.⁶

Bak kata pepatah lain di mulut, lain di hati.

⁵Fayrūz Abadi, (t.t). *al-Qāmūs al-Muhīd*, Beirut : Dar al-jil, jil. 2 hal 296.

⁶ *al-Fath* 48 : 11.

3.2 Pembahagian Nifak

Imam Ibn Kathīr menyatakan bahawa nifak terbahagi kepada dua :

1- *Nifāq i'tiqādi* iaitu nifak dari segi kepercayaan dan keyakinan yang akan menyebabkan munafik jenis ini kekal dalam neraka selama-lamanya. Ini kerana nifak ini dihukumkan kafir seperti munafik *Abdullah Bin Ubay*.⁷

2- *Nifāq 'Amali* iaitu nifak perbuatan atau amalan yang tergolong di dalam dosa yang paling besar.⁸

Oleh sebab itu, kata Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah, nifak itu sepertimana kufur yang mempunyai beberapa peringkat. Ada kufur yang boleh menyebabkan seseorang terkeluar dari agama dan ada kufur yang tidak memberi kesan seperti itu. Sebagai contohnya kufur nikmat. Begitulah juga dengan nifak, ada yang besar dan ada yang kecil seumpama syirik, ada yang besar dan kecil.⁹

⁷Ibn Kathīr, *op. cit.*, jil 1, hal. 47.

⁸*Ibid.*

⁹Ahmad Bin Abd al-Halim al-Taymiyyah al-Harrāni, (1397H), *Majmu' Fatāwa Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*, Beirut : Dār al-'Arabiyyah, jil.7, hal. 524. Selepas ini disebut Ibn Taymiyyah sahaja.

Ibn Taymiyyah memberi contoh *nifāq i'tiqādi* dan *nifāq 'amali* di mana menurut beliau *nifāq i'ktiqadi* itu terbahagi enam :

- 1- Mendustai Rasul.
- 2- Mendustai sebahagian dari apa yang dibawa oleh Rasul.
- 3- Memarahi dan membenci Rasul.
- 4- Memarahi dan membenci sebahagian apa yang dibawa oleh Rasul.
- 5- Merasa senang dan gembira dengan kejatuhan agama yang dibawa oleh Rasul.
- 6- Merasa hina untuk membantu dan menolong agama yang dibawa oleh Rasul.¹⁰

Sementara Dr Abd Al-Karīm Zaydān pula menggariskan 12 tanda munafik dari segi iktikad dan sifat-sifat mereka.¹¹

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Abdul Karīm Zaydān, (1972M), *Uṣūl al-Da'wah*, Baghdad : Maṭba'ah Salmān al-'Uẓma, Cet. 1, hal. 342.

1- Berpenyakit hati.

Firman Allah (جمل و مع),

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Maksudnya : "Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah (جمل و مع) tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)".¹²

Penyakit ini merupakan sejenis kerosakan yang memudaratkan hati dan mencacatkan kefahaman seseorang sehingga dia tidak melihat kebenaran atau pun dia melihat kebaikan sebagai sesuatu yang buruk.

2- Membuat kerosakan di muka bumi.

Firman Allah (جمل و مع),

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ
أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya : "Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: " Sesungguhnya kami orang-orang

¹² al-Baqarah 2 : 10

yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenarnya membuat bencana dan kerusakan, tetapi mereka tidak menyedarinya".¹³

Mereka bersifat merosakkan tanpa menyedari keadaan itu, malah mereka merasa sentiasa berbuat kebaikan. Kerosakan yang sebenarnya ialah kekufuran mereka sama ada perbuatan atau perkataan.

3- Menuduh orang mukmin sebagai dungu.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ
السُّفَهَاءُ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya : "Apabila dikatakan kepada mereka "berimanlah sepertimana orang-orang lain beriman" mereka menjawab, "adakah kami akan beriman sepertimana orang-orang bodoh itu beriman." Bukankah merekalah yang sebenarnya bodoh sedangkan mereka tidak mengetahui".¹⁴

Menurut Imam Ibn Kathir orang-orang yang bodoh ialah orang yang jahil, lemah fikiran dan kurang pengetahuan terhadap perkara yang mempunyai banyak kebaikan dan sebaliknya.¹⁵

¹³ *al-Baqarah* 2 : 11 & 12

¹⁴ *al-Baqarah* 2 : 13.

¹⁵ Ibn Kathir, *op. cit.*, jil 1, hal. 50.

Dengan itu, kedunguan itu hanya khusus kepada mereka dan orang-orang kafir, lebih-lebih lagi kejahilan mereka itu terlalu berat sehingga tidak mampu memahami kejahilan dan kesesatan yang menyelubungi diri mereka sendiri.

4 – Keterlaluan dalam perbalahan dan amat keras dalam perkara kejahatan.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَيُشْهَدُ اللَّهُ عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ

Maksudnya : "Dan di antara manusia ada yang ucapan mereka tentang kehidupan dunia menarik hatimu, padahal Allah (جل و علا) memperlihatkan isi hatinya sedangkan ia adalah penentang yang paling keras".¹⁶

Si munafik bercakap dengan lunak, sentiasa menzahirkan keIslaman, bersaksi (bersumpah) dengan nama Allah (جل و علا) bahawa apa yang mereka perkatakan dengan lidah mereka, itulah juga yang ada di dalam hati mereka sedangkan hakikatnya adalah sebaliknya. Dan merekalah orang yang paling kuat bertelagah dan bergaduh sepertimana hadits Rasulullah (صلى الله عليه وسلم),

وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ

Maksudnya : "Dan apabila (munafik) bertelagah, ia melampaui batas".¹⁷

¹⁶ *al-Baqarah* 2 : 204.

¹⁷ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalāni, (1379H), *Fath al-Bārī*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, jil. 1, hal. 89. Selepas ini disebut Ibn Hajar al-'Asqalāni sahaja.

5 - Melantik orang kafir sebagai ketua dan sentiasa mencari peluang untuk berbuat jahat terhadap orang mukmin.

Firman Allah (٥٨ و ٥٩),

بَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا (138) الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ
الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ أَمِيتُهُمْ عَنْهُمْ الْعِزَّةُ فَإِنَّ
الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا (139)

Maksudnya : “Khabarkanlah kepada golongan munafik bahawa mereka akan ditimpa azab yang pedih. (138) iaitu orang-orang yang mengambil orang-orang kafir sebagai ketua dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Apakah mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir sedangkan kekuatan hanya kepunyaan Allah (٥٨ و ٥٩).”¹⁸

Orang-orang munafik melantik orang-orang kafir sebagai ketua iaitu dengan maksud menolong dan bersahabat dengan mereka. Mereka akan berkata, “Aku bersama-sama kamu sekalian” ketika mereka duduk bersama.

Firman Allah (٥٨ و ٥٩),

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ بِكُمْ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ فَتْحٌ مِنَ اللَّهِ قَالُوا أَلَمْ نَكُنْ
مَعَكُمْ وَإِنْ كَانَ لِلْكَافِرِينَ نَصِيبٌ قَالُوا أَلَمْ نَسْتَحِذْ عَلَيْكُمْ
وَنَمْنَعُكُمْ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَنْ
يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا (141)

¹⁸ *al-Nisā'* 4: 138 & 139.

Maksudnya : “(Iaitu) orang yang menunggu-nunggu peristiwa yang akan menimpa dirimu (hai orang mukmin) maka jika terjadi kemenangan bagimu dari Allah (ﷻ), mereka berkata : bukankah kami turut berperang bersamamu? Dan jika orang-orang kafir mendapat kemenangan mereka berkata, bukankah kami turut membantumu dan membela kamu dari orang-orang mukmin! Maka Allah (ﷻ) akan memberi keputusan di antara kamu pada hari Kiamat dan Allah (ﷻ) sekali-kali tidak akan memberi jalan kepada orang kafir untuk memusnahkan orang-orang beriman”.¹⁹

Selain dari itu, mereka juga sentiasa mencari peluang daripada kelemahan pemerintahan Islam. Sekiranya orang Islam yang menang dan memerintah mereka akan berkata, “Bukankah kami bersama-sama kamu?” Sekiranya orang kafir pula yang menang, mereka akan berkata bukankah kami telah menolong kamu secara rahsia?” Dengan itu para munafik sentiasa bermuka-muka terhadap orang Islam dan juga kafir sekalipun hati mereka cenderung kepada kekufuran. Walaubagaimana pun, mereka tidak ingin menzahirkan keadaan ini kerana tidak mahu menunjukkan permusuhan dengan Islam.

¹⁹ *al-Nisa'* 4 : 141.

6- Menipu, riyak serta malas dalam menunaikan ibadah.

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى
الصَّلَاةِ قَامُوا كُسَالَى يُرَآءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا
قَلِيلًا (142) مُذَبْذَبِينَ بَيْنَ ذَلِكَ لَا إِلَى هَؤُلَاءِ وَلَا إِلَى هَؤُلَاءِ
وَمَنْ يُضِلِلْ اللَّهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ سَبِيلًا (143)

Maksudnya : "Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (ﷻ) (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah (ﷻ) pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riyak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (ﷻ) (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang). (142) Mereka berkeadaan "muzabzab" (tidak mempunyai pendirian yang tetap) antara (iman dan kufur) itu; mereka tidak berpihak terus kepada golongan (kafir) dan tidak pula berpihak kepada golongan (yang beriman). Dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah (ﷻ), maka engkau wahai Muhammad (ﷺ) tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya (143)".²⁰

²⁰ al-Nisā' 4 : 143.

Sebahagian daripada sifat munafik ialah pandai menipu daya iaitu mereka cuba menipu Allah (ﷻ), Rasul dan umat Islam. Mereka cuba menunjukkan bahawa mereka berpihak kepada Islam. Namun, hati mereka adalah sebaliknya. Mereka tergolong dari golongan yang tidak perpendirian kerana menyokong sesiapa sahaja yang akan menguntungkan mereka.

7- Berhakimkan kepada *Tāghūt*²¹

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا نُزِّلَ إِلَيْكَ وَمَا نُزِّلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَاكَمُوا إِلَى الطَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا (60) وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَى مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا (61) فَكَيْفَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَاءُوكَ يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا إِحْسَانًا وَتَوْفِيقًا (62) أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا (63)

Maksudnya : "Tidakkah engkau (haiiran) melihat (wahai Muhammad ﷺ) orang-orang (munafik) yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada Al-Quran yang telah diturunkan kepadamu dan kepada (Kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada *Tāghūt*, padahal mereka telah diperintahkan

²¹ Bererti Apa yang disembah selain dari Allah. Yang dimaksudkan disini ialah berhukum dengan perkara yang selain dari Al-Quran dan sunnah.

supaya kufur ingkar kepada *Tāghūt* itu. Dan Syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh (60) Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah berhakim kepada hukum Al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah (جل و علا) dan kepada hukum Rasulullah (صلى الله عليه وسلم)," nescaya engkau melihat orang-orang munafik itu berpaling serta menghalang (manusia) dengan bersungguh-sungguh daripada menghampirimu(61) Maka bagaimana halnya apabila mereka ditimpa sesuatu kemalangan disebabkan (kesalahan) yang telah dibuat oleh tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: "Demi Allah (جل و علا), kami tidak sekali-kali menghendaki melainkan kebaikan dan perdamaian (bagi kedua pihak yang berbalah)"(62) Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah (جل و علا) akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka (63) ²²

Sebahagian dari sifat munafik ialah mereka mendakwa bahawa mereka beriman dengan apa yang diturunkan Allah (جل و علا) dan Rasul-Nya. Meski pun demikian, mereka masih mahu berhakimkan dengan *Tāghūt* sekalipun ianya menyeleweng dari Al-Quran dan sunnah. Allah (جل و علا) telah memerintahkan mereka supaya meninggalkan sifat itu. Namun, syaitan pula sentiasa menyeru mereka kepada kesesatan.

²² *al-Nīsā'* 4 : 60-63

8 – Memecahbelah dan menimbulkan huru-hara di kalangan orang-orang mukmin.

لَوْ خَرَجُوا فِيكُمْ مَا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَا أُضْعَوُا خِلَالَكُمْ
يَبْغُونَكُمُ الْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّاعُونَ لَهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ

Maksudnya : "Kalaupun mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan, dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah (kekacauan) dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka. Dan (ingatlah) Allah (جل وعلا) Maha Mengetahui akan orang-orang yang zalim"²³.

Para munafik akan bersungguh-sungguh dalam melemahkan umat Islam serta memecahbelahkan perpaduan mereka. Sekiranya mereka ikut berjihad bersama tentera Islam, bukan pertolongan yang dapat diharap dari mereka, malah hura-hara dalam barisan tentera Islam. Mereka menyebarkan hasutan dan fitnah yang akan melemahkan umat Islam.²⁴

9 – Pembohong dan penakut.

وَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنْكُمْ وَمَا هُمْ مِنْكُمْ وَلَكِنَّهُمْ قَوْمٌ
يَفْرَقُونَ (56) لَوْ يَجِدُونَ مَلَجًا أَوْ مَغَارَاتٍ أَوْ مَدَخَلًا لَوَلَّوْا
إِلَيْهِ وَهُمْ يَجْمَحُونَ (57)

²³ *al-Tawbah* 9 : 47

²⁴ Ibn Kathir, *op. cit.*, jil. 2, hal. 361.

Maksudnya : “Dan mereka (yang munafik itu) bersumpah dengan nama Allah (جل و علا) bahawa sesungguhnya mereka dari golongan kamu, padahal mereka bukanlah dari golongan kamu, tetapi mereka ialah suatu kaum yang pengecut (56) Kalau mereka dapat tempat perlindungan, atau gua-gua, atau lubang-lubang dalam tanah, nescaya mereka segera menuju ke arahnya serta melompat masuk ke dalamnya (57)”²⁵

Antara sifat utama munafik ialah berbohong dan bersumpah palsu. Mereka juga terlalu pengecut lebih apabila diseru untuk berjihad di jalan Allah (جل و علا).

10 – Menghina dan mencela pihak yang benar.

وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا
وَإِنْ لَمْ يُعْطُوا مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْتَخِفُّونَ (58)

Maksudnya : “Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad (ﷺ)) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil); dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta merta mereka marah”.²⁶

Sebahagian dari sifat munafik ialah menyerang pihak yang benar dengan tohmahan, cacian dan kejian kerana mereka sebenarnya musuh kepada kebenaran. Sifat menyukai atau membenci sesuatu akan wujud ketika mana ia memberi kebaikan kepada mereka. Jika tidak, mereka akan berkecuali.

²⁵ al-Tawbah 9 : 56 & 57

²⁶ al-Tawbah 9 : 58

Ayat tersebut menceritakan sikap tidak puashati munafik dalam hal pembahagian zakat. Ini berlaku kerana sebahagian mereka tidak menerima agihan hasil zakat yang dilakukan oleh Rasulullah (ﷺ).

11 – Menyuruh melakukan kejahatan dan menyekat daripada kebaikan.

الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ
الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ (67)

Maksudnya : “Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut). Mereka telah melupakan (tidak menghiraukan perintah) Allah (ﷻ) dan Allah (ﷻ) juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu, merekalah orang-orang yang fasik.”²⁷

²⁷ al-Tawbah 9: 67

12 – Mungkir dan mengkhianati janji

وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنْ آتَانَا مِنْ فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ (75) فَلَمَّا آتَاهُمْ مِنْ فَضْلِهِ بَخِلُوا بِهِ وَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُعْرِضُونَ (76) فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَى يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُوا اللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ (77)

Maksudnya : "Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah (جل و علا) dengan berkata: "Sesungguhnya jika Allah (جل و علا) memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan tergolong dari kalangan orang-orang yang salih"(75) Kemudian setelah Allah (جل و علا) memberi kepada mereka dari limpah kurniaNya, mereka bakhil dengan pemberian Allah (جل و علا) itu, serta mereka membelakangkan janjinya; dan sememangnya mereka orang-orang yang sentiasa membelakangkan (kebajikan)(76) Akibatnya Allah (جل و علا) menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka (berkekalan) hingga ke masa mereka menemui Allah (جل و علا), kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada Allah (جل و علا) dan juga kerana mereka sentiasa berdusta (77)".²⁸

Sifat mungkir janji ini bukan sahaja dilakukan terhadap manusia bahkan juga kepada Allah (جل و علا). Ayat ini menceritakan tentang si munafik yang berjanji dengan Allah (جل و علا) bahawa sekiranya dia beroleh kekayaan, dia akan bersedekah sebahagian dari harta miliknya itu serta menjadi orang yang salih

²⁸ al-Tawbah 9 : 75 - 77

tetapi apabila mereka diberi harta sebagaimana yang dihajati, mereka ingkar terhadap janji mereka.

Patut juga dijelaskan di sini bahawa kesemua sifat munafik yang menyentuh persoalan iktikad akan membuatkan seorang itu dihumban ke dalam neraka yang paling dalam.

Firman Allah (ﷻ),

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang munafik itu (akan berada) ditempat paling bawah di dalam neraka”.²⁹

Adapun munafik dari sudut amalan terbahagi kepada 5 sifat utama:

Rasulullah (ﷺ) menerangkan dalam sabdanya,

من علامات المنافق ثلاث إذا حدث كذب وإذا وعد أخلف
وإذا أؤتمن خان

Maksudnya : “Di antara tanda-tanda munafik itu ada tiga. Apabila dia berkata-kata dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir dan apabila diberi amanah dia khianat”.³⁰

²⁹ *al-Nisā*’ 4 : 145.

³⁰ Abū Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawī, (1392H), *Syarh al-Nawawī ‘Ala Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirūt : Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, jil. 2 hal 47. Selepas ini disebut al-Nawawī sahaja.

Sementara dalam hadits lain yang diriwayatkan oleh *Abdullah bin 'Umar* bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda:

أربع من كن فيه كان منافقا خالصا ومن كانت فيه خصلة
من النفاق حتى يدعها إذا أوْثمن خان وإذا حدث كذب وإذا
عاهد غدر وإذا خاصم فجر

Maksudnya : "Empat sifat barangsiapa yang terdapat padanya, maka dia adalah sebenar-benar munafik dan orang yang mempunyai salah satu daripada sifat munafik sehinggalah dia menjauhinya iaitu, apabila diberi amanah dia khianat, apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir (tidak menepati janji) dan apabila bertelagah dia melampaui batas".³¹

Berdasarkan kedua-dua hadits di atas dapatlah dirumuskan bahawa tanda nifak amalan ini lima perkara seperti mana yang telah ditegaskan di dalam kedua-dua hadits tersebut.

3.2.1 Perbezaan Di Antara Kufur Dan Nifak

1. Munafik dari segi akidah tiada bezanya dengan kufur kerana kedua-duanya ingkar serta menentang Rasulullah (ﷺ) dan Al-Quran.

³¹ Ibn Hajar al-'Asqalāni, *op.cit.*, jil. 1, hal. 89.

2. Kedua-duanya memusuhi Allah (ﷻ), Rasul dan orang-orang mukmin. Dengan itu, Allah (ﷻ) menegaskan kepada orang mukmin supaya sentiasa berwaspada terhadap mereka dalam firman-Nya,

وَلَا تُطِيعُوا الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya : "Janganlah kamu mentaati orang kafir dan munafik sesungguhnya Allah (ﷻ) amat mengetahui dan amat bijaksana".³²

3. Tidak harus bagi orang mukmin memohon ampun kepada kedua-dua mereka atau menyembahyangkan jenazah dan merasa kasihan terhadap mereka. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah (ﷻ) berkenaan kisah *Abdullah bin Ubay*.³³

³² *al-Aḥzab* 33 : 1

³³ Muhammad Yūsuf Abd bin Hasan, (1991M) *Al-Munāfiqūn Fī Al-Quran*, Dār al-Tabā'ah wa al-Nasyr al-Islamiyyah, hal 202.

3.3 Sejarah Munafik

3.3.1 Iblis Adalah Munafik Pertama.

Iblis adalah merupakan munafik pertama dalam sejarah. Peranannya yang begitu licik sehingga telah berjaya memperdaya Nabi Adam (عليه السلام) dan Hawwā' (عليها السلام) seterusnya menyebabkan mereka berdua terkeluar dari syurga.

Kisah yang amat masyhur ini telah diterangkan di dalam Al-Quran. Firman Allah (جل و علا),

فَوَسْوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْآتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكَتَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ الْخَالِدِينَ (20) وَقَاسَمَهُمَا إِنِّي لَكُمَا لَمِنُ النَّاصِحِينَ (21)

Maksudnya : "Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepada mereka berdua supaya (dapatlah) ia menampakkan kepada mereka akan aurat mereka yang (sekian lama) tertutup dari (pandangan) mereka, sambil ia berkata: "Tidaklah Tuhan kamu melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini, melainkan (kerana Ia tidak suka) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi dari orang-orang yang kekal (selama-lamanya di dalam Syurga)".(20) Dan ia bersumpah kepada keduanya

(dengan berkata): "Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang memberi nasihat kepada kamu berdua,(21)"³⁴

Dalam ayat ini, Allah (ﷻ) menjelaskan pembohongan Iblis sejak kejadian manusia pertama iaitu Nabi Adam (ﷺ). Sifat munafik Iblis yang mengaku sebagai penasihat yang jujur telah menyebabkan Adam (ﷺ) dan Hawwā' (ﷺ) memakan buah terlarang di dalam syurga. Akibat kesalahan inilah mereka berdua tersingkir dari syurga.

3.3.2 Kisah Abdullah bin Sabā'

Ibn Kathīr menyebutkan bahawa *Abdullah bin Sabā'* adalah merupakan seorang kafir *dhimmi*³⁵ yang berbangsa Yahudi. Lalu beliau bermuka-muka memeluk Islam. Kemudian, beliau mencipta propaganda dan perbuatan karut. Beliau memang seorang yang pakar dalam hal tipu muslihat.³⁶

³⁴ *al-A'raf* 7 : 20 & 21.

³⁵ Orang kafir yang mendapat perlindungan dan keamanan di negara Islam.

³⁶ Isma'īl bin 'Umar bin Kathīr, (1403H), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Beirut : Dār al-Fikr, jil.7 hal 173.

Imam al-Ṭabari pula menukilkan bahawa beliau adalah *Yahūdi* yang berasal dari golongan *Ṣan'ā'*. Ajaran sesat tajaannya telah tersebar di seluruh negara Islam bermula di *Hijāz* kemudian *Baṣrah*, *Kūfah* dan *Syām*.³⁷

Beliau bertanggungjawab terhadap propaganda jahat terhadap umat Islam, penyebaran akidah yang karut, memecahbelahkan kesatuan umat Islam, melancarkan penentangan terhadap khalifah 'Uthmān bin 'Affān dan mendakwa bahawa beliau adalah pembela *Ahl al-Bayt*.

Berbekalkan dakwaan beliau adalah pembela keluarga Rasulullah (ﷺ), maka sebahagian umat Islam agak mudah terpengaruh dengan dakyah yang dibawanya. Hasil dari tindakannya inilah wujudnya kelompok syiah yang memperjuangkan *Ahl al-Bayt* sehingga ke peringkat melampaui batasan-batasan agama.

Beliau telah mereka hadith-hadith palsu supaya umat Islam menyokongnya. Hadith-hadith ini berkenaan dengan kelebihan Sayyidina Ali dan *Ahl al-Bayt*.

³⁷Muhammad Bin Jarīr bin Yazīd al-Ṭabari, (1407H), *Tārīkh Al-Ṭabari*, Beirut : Dār Al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 2 hal. 647. Selepas ini disebut al-Ṭabari sahaja.

Antara dakwaan yang dibuatnya ialah :

1. Mendakwa *Sayyidina 'Ali* adalah tuhan³⁸
2. Al-Quran adalah satu bahagian dari sembilan bahagian yang lain.
3. Pernyataan Nabi Isa akan kembali semula ke bumi adalah tidak benar bahkan Rasulullah (ﷺ) lah yang akan kembali

berdasarkan ayat dalam surah *al-Qasas*,

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَأْدُكَ إِلَىٰ مَعَادٍ قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ
مَنْ جَاءَ بِالْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ (85)

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah (ﷻ) yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad(ﷺ)) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai. Katakanlah (kepada kaum yang menentangmu): "Tuhanku amat mengetahui akan sesiapa yang membawa hidayah petunjuk dan sesiapa pula yang berada dalam kesesatan yang nyata".³⁹

4. Setiap nabi ada *waşinya* (pewarisnya). Maka Ali adalah *waşī* Muhammad (ﷺ). Sesiapa yang mengaku bahawa Muhammad (ﷺ) adalah penutup segala Rasul, maka dia juga hendaklah mengaku bahawa Ali adalah penutup segala *waşī*.⁴⁰

³⁸ Abdullah Bin Muslim Bin Qutaybah,(1405H), *Ta'wīl Mukhtalaf al-Ḥadīth*, Beirut : Dār al-Fikr, jil.1, hal 73.

³⁹ *al-Qaṣaṣ* 28 : 85.

⁴⁰ Al-Ṭabari, *op.cit*.

Dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh *Abdullah bin Sabā'* ini telah berjaya mempengaruhi umat Islam sehingga golongan syiah masih wujud sehingga hari ini.

Lebih malang lagi golongan radikal masih meneruskan propaganda karut yang diwar-warkan oleh *Abdullah bin sabā'* sekalipun beliau sendiri telah mati dibakar oleh Sayyidina Ali.⁴¹

Jelasnya, beliau adalah munafik yang berjaya memecahbelahkan kesatuan umat Islam hingga ke hari ini.

⁴¹ Syams al-Din Bin Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi, (1407H). *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, Beirut : Dar al-Kutub al-'ilmiyyah, jil. 4 hal 105.

3.3.3 Kisah Mustafa Kamal Atatürk (1881-1938)

Sejarah membuktikan bahawa munafik wujud tanpa mengira zaman. Sama ada zaman sebelum kelahiran Rasulullah (ﷺ), semasa kewujudan Baginda (ﷺ) atau selepas kewafatan Baginda (ﷺ), munafik akan tetap wujud sehingga hari Kiamat. Ini terbukti dengan sejarah pemerintahan *Mustafa Kamal Atatürk* yang menghancurkan kerajaan 'Uthmaniah dan menggantikannya dengan kerajaan sekular.

Mustafa Kamal telah dilahirkan di *Thessaloniki, Greece* pada tahun 1881.⁴² Beliau adalah seorang tentera dan menjawat jawatan kolonel. Hasil kebijaksanaannya, beliau berjaya menyekat tentera bersekutu dari menakluki *Dardanelles* dan *Bosphorus* semasa perang dunia pertama.⁴³

Kejayaannya ini telah menyebabkan beliau dilantik sebagai jeneral. Namun, pada tahun 1919 beliau telah melancarkan perang kebebasan untuk menjatuhkan kerajaan 'Uthmaniah.

⁴² Artikel-artikel berkenaan 'Atatürk' boleh diperolehi dengan melayari internet pada laman web di alamat <http://www.ataturk.com> bertarikh 15 Januari 2002.

⁴³ *Ibid.*

Beliau memilih kota Ankara sebagai ibukota setelah mengalah kerajaan 'Uthmaniah pada 1922. selepas itu beliau diberi gelaran '*Ataturk*' bermaksud bapa pemodenan Turki.⁴⁴

Beliau telah membuat perubahan drastik terhadap sistem pemerintahan, ekonomi, pendidikan dan sosial. Antaranya ialah :

Pembaharuan politik

- 1- Menghapuskan kesultanan Turki pada 1 November 1922
- 2 - Mengumumkan Turki sebagai sebuah republik pada 29 Oktober 1923.
- 3 - Sistem Khilafah dihapuskan sepenuhnya pada 3 Mac 1924.

Pembaharuan sosial

- 1- Pemakaian topi adalah sama dengan pemakaian kupiah/serban (1925)
- 2- Amalan agama berdasarkan mazhab adalah ditegah di sisi undang-undang (1925)
- 3- Menghapuskan poligami

⁴⁴ *Ibid.*

- 4- Kalendar barat diperkenalkan sebagai menggantikan takwim Islam (1925)
- 5- Menukarkan tulisan huruf Arab yang telah digunakan beratus tahun lamanya kepada tulisan latin (1928)
- 6- Pakaian keagamaan adalah dilarang di tempat-tempat awam. (1934).
- 7- Wanita tidak perlu memakai tudung kepala (1934)
- 8- Undang-undang sekular diperkenalkan menggantikan undang-undang Islam. (1926)
- 9- Memberi kebebasan kepada wanita untuk berkecimpung dalam politik dan sosial.

Pembaharuan pendidikan dan budaya

- 1- Menghapuskan pemisahan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan (1924)
- 2- Mengasaskan institusi sejarah Turki
- 3- Mengasaskan institusi bahasa Turki⁴⁵

⁴⁵Artikel ini boleh diperolehi dengan melayari internet pada laman web di alamat <http://www.turizm.net/turkey/history/ataturk.html> bertarikh 15 Januari 2002.

Inilah peranan yang dilakukan oleh *Ataturk* terhadap kerajaan '*Uthmaniah*. Pembaharuan-pembaharuan sekular yang dilakukan oleh beliau adalah amat bertentangan dengan prinsip dan batasan Islam. Bermula dari detik itu, Turki tidak lagi menjadi sebuah negara Islam malahan sebuah negara sekular.

Melihat kepada tindakan-tindakannya itu, maka benarlah pendapat beberapa sejarawan bahawa *Ataturk* adalah seorang *Yahudi* yang mendakwa dirinya sebagai seorang Islam Turki tetapi sebaliknya menjadi kuda tunggangan yang berkhidmat kepada *Yahudi*.⁴⁶

Kisah-kisah besar ini menjadi bukti bahawa kewujudan munafik akan berterusan sehingga hari Kiamat.

3.4 Sebab-Sebab Kelahiran Munafik

Munafik tidak terdapat pada zaman penyebaran Islam di *Makkah*. Pada masa itu, hanya terdapat dua golongan yang jelas iaitu:

- 1) Muslim yang sebenar
- 2) Kafir yang tulen

⁴⁶ Muhammad Harb Abd al-Hamid, (1401H) *Mudhakkirah al-Sulṭān Abdul Hamid*, Qāhirah : Dār Ansār, hal 11.

Ini kerana pada zaman *Makkah* Islam belum berkembang luas dan terpaksa menghadapi tekanan yang kuat daripada musyrikin *Makkah*. Oleh kerana Islam berada pada pihak yang lemah, maka tiada sebab bagi wujudnya golongan munafik.

Bermula pada zaman Madinah iaitu ketika Islam sudah mempunyai kekuatan, maka munafik mula tumbuh dengan kumpulannya yang menentang Islam dari dalam. Apakah punca yang menyebabkan kemunafikan ini menular? Jumhur ulama berpendapat bahawa sebab berlakunya kemunafikan ialah ketakutan terhadap orang-orang Islam. Ini kerana dengan menzahirkan sikap palsu ini, diri, harta, anak-pinak dan maruah mereka tidak akan terganggu dan selamat.⁴⁷

Terdapat 3 Faktor utama yang menyebabkan menularnya kemunafikan ini iaitu:

1) Kemenangan dakwah Islam di Madinah yang menyebabkan orang kafir mula menzahirkan keIslaman dan sokongan mereka untuk tujuan kepentingan peribadi mereka. Keadaan ini berlaku kepada mereka yang takut terhadap pemerintahan kerajaan Islam.

⁴⁷ Al-Nawawi, *op.cit.*, juz 1 hal 210.

2) Dengan sebab kemenangan Islam yang jelas ini, lahir sifat kedengkian dan marah dalam hati orang kafir, lalu mereka melakukan penipuan bila mempunyai peluang. Keadaan ini semakin bertambah dengan kegagalan ketua mereka *Abdullah bin Ubay* yang gagal mencalonkan dirinya sebagai pemerintah di Madinah. *Syaykh Muhammad Khaḍri* berkata “ *Abdullah Bin Ubay* telah dicalonkan untuk menjadi pemerintah Madinah sejak sebelum hijrah Rasulullah (ﷺ)”.⁴⁸

3) Mereka merasa tertekan dengan pemerintahan Islam yang tidak dapat dijadikan tempat bergantung. Malahan, Islam tambah menyusahkan mereka khususnya pendedahan demi pendedahan yang dibuat oleh Allah (ﷻ) dan Rasulnya berkenaan kejahatan mereka.⁴⁹

Pengarang kitab *al-Munāfiqūn fi Al-Quran* pula memberi enam sebab yang lain berkenaan punca terjadinya kemunafikan ini.⁵⁰

Pertama : Kerendahan syakhsiyyah, kebodohan berfikir dan tiada prinsip yang tetap.

⁴⁸ Muhammad Khaḍri, (1408H), *Nūr al-Yaqīn*, Beirut : Dār al-Fajr al-Islami, hal 104.

⁴⁹ Ja'fār bin Muhammad Bin al-Hasan al-Firyābi, (1405H), *Ṣifāh al-Munāfiq*, Kuwait : Dār al-Khulafā' hal 10.

⁵⁰ Muhammad Yusuf Abd bin Hasan, (1991M) *Al-Munāfiqūn Fi Al-Quran*, Dār al-Taba'ah wa al-Nasyr al-Islamiyyah, hal 202.

Firman Allah (٥٤ و ٥٥),

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ
اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يَبْصُرُونَ

Maksudnya : "Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah (٥٤ و ٥٥) hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun)."⁵¹

Firman Allah (٥٦ و ٥٧),

مُذَبِّدِينَ بَيْنَ ذَلِكَ لَا إِلَى هَؤُلَاءِ وَلَا إِلَى هَؤُلَاءِ وَمَنْ يُضْلِلِ
اللَّهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ سَبِيلًا

Maksudnya : "Mereka berkeadaan "mudhabdhab" (tidak mempunyai pendirian yang tetap) antara (iman dan kufur) itu; mereka tidak berpihak terus kepada golongan (kafir) dan tidak pula berpihak kepada golongan (yang beriman). Dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah (٥٦ و ٥٧), maka engkau wahai Muhammad (ﷺ) tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya".⁵²

Firman Allah (٥٨ و ٥٩),

إِنَّمَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَارْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ فَهُمْ فِي رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ

⁵¹ al-Baqarah 2 : 17.

⁵² al-Nisā' 4 : 143.

Maksudnya : “Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah (ﻻ ﻳُؤْمِنُونَ) dan hari akhirat, dan yang hati mereka (sangat) ragu-ragu. Oleh itu mereka sentiasa bingung teragak-agak dalam keraguannya”.⁵³

Kedua : Membuat intipan terhadap orang mukmin dan memprovokasikan antara mereka.

Firman Allah (ﻻ ﻳُؤْمِنُونَ),

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ لَا يَحْزُنُكَ الَّذِينَ يُسَارِعُونَ فِي الْكُفْرِ مِنَ الَّذِينَ
قَالُوا آمَنَّا بِأَفْوَاهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِنْ قُلُوبُهُمْ وَمِنَ الَّذِينَ هَادُوا
سَمَاعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَاعُونَ لِقَوْمٍ آخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ

Maksudnya : “Wahai Rasulullah (ﷺ)! Janganlah engkau menanggung dukacita disebabkan orang-orang yang segera menceburkan diri dalam kekufuran, iaitu dari orang-orang yang berkata dengan mulutnya: “Kami tetap beriman”, padahal hatinya tidak beriman; demikian juga dari orang-orang Yahudi, mereka orang-orang yang sangat suka mendengar berita-berita dusta; mereka sangat suka mendengar perkataan golongan lain (pendita-pendita Yahudi) yang tidak pernah datang menemuimu”.⁵⁴

⁵³ al-Tawbah 9 : 45.

⁵⁴ al-Mā'idah 5 : 41

Firman Allah (ﷻ),

لَوْ خَرَجُوا فِيكُمْ مَا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَا أُضْعِفُوا خِلَالَكُمْ
يَعُودُكُمْ الْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّاعُونَ لَهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ

Maksudnya : "Kalaulah mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan, dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah (kekacauan) dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka. Dan (ingatlah) Allah (ﷻ) maha

Mengetahui akan orang-orang yang zalim".⁵⁵

Ketiga : Ketakutan terhadap nasib mereka di masa hadapan serta ketamakan terhadap dunia.

Firman Allah (ﷻ),

فَتَرَى الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ يُسَارِعُونَ فِيهِمْ يَقُولُونَ نَخْشَى
أَنْ تُصِيبَنَا دَائِرَةٌ فَعَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَ بِالْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِنْ عِنْدِهِ
فِيصِيبُكُمْ عَلَى مَا أَسْرَأْتُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ تَادِمِينَ

Maksudnya : "Dalam pada itu, engkau lihat orang-orang (munafik) yang ada penyakit dalam hatinya segera berusaha mendampingkan diri kepada mereka (Yahudi dan Nasrani), sambil berkata: "Kami takut bahawa kami akan ditimpa bencana (yang memaksa kami meminta pertolongan mereka)". Mudah-mudahan Allah (ﷻ) akan mendatangkan kemenangan (kepada Rasul-Nya dan umat Islam) atau mendatangkan sesuatu

⁵⁵ al-Tawbah 9 : 47.

hukuman dari sisiNya (terhadap golongan yang munafik itu); maka sebab itu mereka akan menyesal mengenai apa yang telah mereka sembunyikan dalam hatinya".⁵⁶

Keempat : Cintakan harta serta bakhil

Firman Allah (ﷻ),

وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا
وَإِنْ لَمْ يُعْطُوا مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْتَخْطُونَ

Maksudnya : "Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad (ﷺ)) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil); dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta merta mereka marah".⁵⁷

Firman Allah (ﷻ),

وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنْ آتَانَا مِنْ فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ
الصَّالِحِينَ (75) فَلَمَّا آتَاهُمْ مِنْ فَضْلِهِ بَخِلُوا بِهِ
وَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُعْرِضُونَ (76)

Maksudnya : "Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah (ﷻ) dengan berkata: "Sesungguhnya jika Allah (ﷻ) memberi kepada kami dari limpah kurniaNya,

⁵⁶ *al-Mā'idah* 5 : 52.

⁵⁷ *al-Tawbah* 9 : 58.

tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang salih"(75) Kemudian setelah Allah (ﷻ) memberi kepada mereka dari limpah kurniaNya, mereka bakhil dengan pemberian Allah (ﷻ) itu, serta mereka membelakangkan janjinya; dan sememangnya mereka orang-orang yang sentiasa membelakangkan (kebajikan).⁵⁸(76)

Kelima : Menyekat mereka yang berjihad di jalan Allah (ﷻ) dan menyerang Islam dari dalam.

Firman Allah (ﷻ),

اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ
إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya : "Mereka menjadikan sumpahnya (atau akuannya) sebagai perisai (untuk menyelamatkan dirinya dan harta bendanya daripada dibunuh atau dirampas), lalu mereka menghalang (dirinya dan orang lain) dari menurut jalan Allah (ﷻ). Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan".⁵⁹

Keenam : Lemah dalam menanggung kesusahan dan mudah hilang sabar.

Firman Allah (ﷻ),

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَى حَرْفٍ فَإِنْ أَصَابَهُ خَيْرٌ اطْمَأَنَّ بِهِ
وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ انْقَلَبَ عَلَى وَجْهِهِ خَسِرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ ذَلِكَ
هُوَ الْخُسْرَانُ الْمُبِينُ

⁵⁸ *al-Tawbah* 9 : 75 & 76

⁵⁹ *al-Munāfiqūn* 63 : 2.

Maksudnya : "Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah (ﷻ و ﷺ) dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu; dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata".⁶⁰

Firman Allah (ﷻ و ﷺ),

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ فَإِذَا أُوذِيَ فِي اللَّهِ جَعَلَ فِتْنَةَ
النَّاسِ كَعَذَابِ اللَّهِ وَلَئِنْ جَاءَ نَصْرٌ مِنْ رَبِّكَ لَيَقُولُنَّ إِنَّا كُنَّا
مَعَكُمْ أَوْ لَيْسَ اللَّهُ بِأَعْلَمَ بِمَا فِي صُدُورِ الْعَالَمِينَ

Maksudnya : "Dan ada sebahagian dari manusia yang berkata: "Kami beriman kepada Allah (ﷻ و ﷺ)"; kemudian apabila ia diganggu dan disakiti pada jalan Allah (ﷻ و ﷺ), ia jadikan gangguan manusia itu seperti azab seksa Allah (ﷻ و ﷺ) (lalu ia taatkan manusia). Dan jika datang pertolongan dari Tuhanmu memberi kemenangan kepadamu, mereka sudah tentu akan berkata: "Kami adalah sentiasa bersama-sama kamu". (Mengapa mereka berdusta?) Bukankah Allah (ﷻ و ﷺ) lebih mengetahui akan apa yang terpendam dalam hati sekalian makhluk?"⁶¹

Keenam-enam sebab di atas adalah merupakan faktor-faktor dorongan terhadap berlakunya kemunafikan. Ia adalah tambahan serta pendetailan terhadap sebab yang diberikan oleh jumhur ulama. Ini kerana realiti munafik adalah berbeza. Ada di antara mereka yang memeluk Islam kerana kepentingan

⁶⁰ *al-Hajj* 22 : 11.

⁶¹ *al-Ankabūt* 29 : 10.

peribadi. Ada yang bertujuan untuk menghancurkan Islam dari dalam dan ada yang bertujuan semata-mata menyelamatkan diri dari ancaman.

Jadi sebab-sebab yang telah dibentangkan adalah faktor berlakunya kemunafikan dalam sejarah Islam.

3.5 Munafik Pada Zaman Rasulullah (ﷺ)

Adalah Kafir.

Sebagaimana yang telah diperbincangkan dalam tajuk yang terdahulu, munafik terbahagi kepada dua iaitu :

- 1) Munafik Iktikad
- 2) Munafik Amalan

Walaupun pun, munafik yang dibincangkan dalam Al-Quran dan lebih khusus - surah *al-Tawbah* - adalah merupakan munafik iktikad iaitu munafik yang kafir.

Ini dapat dibuktikan melalui beberapa ayat Al-Quran. Firman Allah

(*٩٨ و ٩٩*),

وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ
إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ

Maksudnya : "Dan janganlah engkau sembahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya, dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah (ﷻ) dan Rasul-Nya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik (derhaka)".⁶²

Ayat diatas membuktikan bahawa munafik adalah kafir kerana Rasulullah

(ﷺ) tidak dibenarkan untuk menyembahyangkan jenazah Abdullah

bin Ubay sehinggakan berdiri diatas kuburnya pun ditegah dalam ayat ini.

Seseorang Islam walau seburuk mana pun amalan dan dosanya, jenazahnya

masih wajib disempurnakan mengikut hukum hakam Islam.

Firman Allah (ﷻ),

وَمَا مَنَعَهُمْ أَنْ تُقْبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَاتُهُمْ إِلَّا أَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ
وَبِرَسُولِهِ وَلَا يَأْتُونَ الصَّلَاةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَى وَلَا يُنْفِقُونَ إِلَّا
وَهُمْ كَارِهُونَ

Maksudnya : "Dan tidak ada yang menghalangi mereka, untuk diterima derma-derma mereka melainkan kerana mereka kufur kepada Allah (ﷻ) dan Rasul-Nya, dan (kerana) mereka tidak mengerjakan sembahyang melainkan dengan keadaan malas dan mereka pula tidak mendermakan hartanya melainkan dengan perasaan benci".⁶³

⁶² al-Tawbah 9 : 84.

⁶³ al-Tawbah 9 : 54.

Ayat ini menceritakan tentang sikap munafik yang sentiasa mengerjakan sembahyang serta memberi sedekah dalam keadaan malas dan riyak. Amalan yang terdapat sifat riyak dan bermuka-muka ini pasti tidak diterima. Lebih buruk dari itu, sebab sebenar amalan mereka ditolak adalah kerana mereka sebenarnya tergolong dalam golongan kafir.

Firman Allah (ﷻ),

اسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ
يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ (80)

Maksudnya : “Pohon keampunan bagi mereka atau kamu tidak pohonkan (ia sama sahaja) sekiranya kamu pohon tujuh puluh kali (pun), Allah (ﷻ) tetap tidak akan mengampunkan mereka. Ini kerana mereka kufur kepada Allah (ﷻ) dan Rasulnya. Dan Allah (ﷻ) tidak akan memberi hidayat kepada golongan yang fasiq”.⁶⁴

Ayat ini pula adalah berkenaan dengan kehendak Rasulullah (ﷺ) untuk menyembahyangkan jenazah munafik iaitu Abdullah bin Ubay. Umar menggesa-gesa Rasulullah (ﷺ) supaya tidak melakukan demikian kerana dia adalah munafik. Baginda (ﷺ)

⁶⁴ al-Tawbah 9 : 80.

menjawab bahawa Allah (ﷻ) telah memberi pilihan kepada Baginda

(ﷺ) dalam ayat di atas.

Namun akhirnya turunlah ayat,

وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ
إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ

Maksudnya : “Dan janganlah engkau sembahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya, dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah (ﷻ) dan Rasul-Nya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik (derhaka)”.⁶⁵

seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, yang menyebabkan Baginda

(ﷺ) tidak menoleh lagi kepada munafik.⁶⁶ Hakikat sebenar

mengapa mereka tidak boleh diminta keampunan dan disembahyangkan adalah kerana mereka kafir.

Firman Allah (ﷻ),

يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا كَلِمَةَ الْكُفْرِ
وَكَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ

⁶⁵ *al-Tawbah* 9 : 84.

⁶⁶ Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr al-Qurtubi, (1372H), *Al-Jāmi‘ Li Ahkām Al-Quran*, Qāhiraḥ : Dār Al-Sya‘b, , jil. 8, hal 219. Selepas ini disebut al-Qurtubi sahaja.

Maksudnya : "Mereka (orang-orang munafik) itu bersumpah bahwa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang menyakiti-Mu). Sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kafir dan mereka telah menjadi kafir setelah Islam".⁶⁷

Ayat ini dengan jelas menunjukkan tentang kekufuran munafik. Ayat ini diturunkan disebabkan oleh *Jullās bin Suwayd*. Dia telah menghina Rasulullah (ﷺ) di belakang Baginda (ﷺ). Lalu perlakuannya disampaikan kepada Rasulullah (ﷺ). Bila Baginda (ﷺ) bertanya, dia bersumpah-sumpah menafikannya.⁶⁸ Inilah munafik yang Allah (ﷻ) golongankan mereka dalam golongan kafir.

Tegasnya, munafik di zaman Rasulullah (ﷺ) adalah munafik iktikad yang hukumnya adalah kafir.

⁶⁷ *Al-Tawbah* 9 : 74.

⁶⁸ Muhammad Bin Jarir bin Yazid al-Tabari, (1405H) *Tafsir Al-Tabari*, Beirut : Dar Al-Fikr, jil 10, hal.185.

3.6 Manhaj⁶⁹ Rasulullah (ﷺ) Ketika

Bermu'amalah Dengan Golongan Munafik

Kaedah yang digunakan oleh Rasulullah (ﷺ) dalam menghukum golongan munafik ialah berdasarkan luaran mereka tanpa menyelidik secara terperinci apa yang terpendam di lubuk hati mereka.⁷⁰ Ini kerana nifak itu adalah amalan hati yang tidak dapat diketahui oleh manusia.

Ibn Qayyim berkata, sejarah Rasulullah (ﷺ) dalam menghadapi golongan munafik ialah dengan cara menghukum mereka berdasarkan keadaan yang dizahirkan oleh mereka dan menyerahkan segala hakikatnya kepada Allah (ﷻ).

Baginda (ﷺ) menghadapi mereka dengan ilmu dan hujah. Tidak memberi muka kepada mereka, sentiasa bersikap keras dan berdakwah kepada mereka dengan kata-kata yang jelas. Baginda (ﷺ) tidak menyembahyangkan jenazah mereka bahkan Baginda (ﷺ) tidak sama sekali berdiri di atas kuburan mereka. Baginda (ﷺ) juga

⁶⁹ Kaedah atau pendekatan.

⁷⁰ Ibrahim 'Ali Salim, (1406H), *Al-Nifāq Wa al-Munāfiqūn fī 'Ahd al-Rasūl*, Qāhirah : Dār al-Sya'b, hal 325.

menegaskan kepada mereka bahawa Baginda (ﷺ) telah memohon pengampunan bagi pihak mereka, namun Allah (ﻫﻲ ﻭﻩ ﻋﻠﻤﻪ) telah menolaknya.

3.7 Sifat-Sifat Munafik Melalui Hadith

Tanda-tanda munafik yang disebutkan melalui hadith-hadith Rasulullah (ﷺ) adalah sebagai suatu bentuk amaran dan waspada kepada orang Islam bahawa sifat-sifat ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke dalamnya dengan mudah.

Abu Hurayrah meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ)

bersabda:

من علامات المنافق ثلاث إذا حدث كذب وإذا وعد أخلف
وإذا أؤتمن خان

*Maksudnya : “ Di antara tanda-tanda munafik itu ada tiga. Apabila dia berkata-kata dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir dan apabila diberi amanah dia khianat ”.*⁷¹

⁷¹ Al-Nawawi, *op.cit.*, juz 2 hal 47.

Sebuah hadits lain yang diriwayatkan oleh *Abdullah bin 'Umar* bahawa

Rasulullah (ﷺ) bersabda:

أربع من كن فيه كان منافقا خالصا ومن كانت فيه خصلة
من النفاق حتى يدعها إذا أوثمن خان وإذا حدث كذب وإذا
عهده غدر وإذا خاصم فجر

Maksudnya : "Empat sifat barangsiapa yang terdapat padanya, maka dia adalah sebenar-benar munafik dan orang yang mempunyai salah satu sifat munafik sehinggalah dia menjauhinya iaitu, apabila diberi amanah dia khianat, apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir(tidak menepati janji) dan apabila bertelagah dia melampaui batas".⁷²

3.7.1 Cara Untuk Menyatukan Antara Kedua-Dua Hadith Di Atas

Hadith yang pertama menyebutkan bahawa tanda munafik ada tiga sedangkan hadith yang kedua pula menyebutkan empat tanda. Kedua-dua hadith tersebut mencapai martabat *ṣaḥīḥ*. Keadaan ini kelihatan seolah-olah berlaku pertentangan di antara kedua-duanya..

Para ilmuan Islam telah cuba sedaya upaya untuk menghilangkan pertentangan ini.

⁷²Ibn Hajar al-‘Asqalāni, *op.cit.*, jil. 1, hal.89.

Ibn Hajar berkata : Kedua-dua hadith tersebut tidak bertentangan antara satu sama lain. Ini kerana sebuah hadith menunjukkan sifat asal munafik dan sebuah lagi menunjukkan sifat-sifat tambahan yang melengkapkan kemunafikan.⁷³

Hadith di dalam riwayat *Muslim* tidak memestikan hanya beberapa sifat sahaja kerana lafaznya (من علامات المنافق) yang bermaksud sebahagian dari tanda-tanda (sifat-sifat) orang munafik.⁷⁴ Ini bererti, masih terdapat tanda-tanda munafik yang lain.

Begitu juga Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) mungkin bermaksud untuk menyatakan sebahagian sifat pada satu waktu dan menyatakan sifat yang lain pada masa yang lain pula.⁷⁵

Imam al-Sindi berkata boleh jadi Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) menyebutkan tiga dan empat ketandaaan itu kerana munafik biasanya begitu dan kebiasaan ini tiada pada orang yang bukan munafik.⁷⁶

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Nūr al-Dīn Bin Abd al-Hādī al-Sindī, (t,t), *al-Bukhārī Syarh al-Sindī*, Halb : Maktab al-Maṭbū'ah al-Islamiyyah jil. 1, hal 15-16. Selepas ini disebut al-Sindi sahaja.

3.7.2 Pendapat Ulama Mengenai Kedua-Dua Hadith Di Atas

Para ulama telah bersepakat bahawa barangsiapa yang memiliki tanda-tanda ini sedangkan dia beriman dengan lida dan hatinya, dia tidak dihukumkan sebagai kafir dan tidak juga sebagai munafik yang kekal di dalam neraka.

Mereka berhujah dengan kisah saudara-saudara nabi *Yūsuf* (عليه السلام) yang mana sifat ini ada pada mereka⁷⁷ namun mereka masih dikira saudara seIslam dengan Nabi *Yūsuf* (عليه السلام)

Pengarang kitab *Dalīl al-Fālihīn* berkata : “ sesiapa yang mempunyai kesemua sifat tersebut, maka dia merupakan orang yang benar-benar munafik.- iaitu munafik amalan.”⁷⁸

Imam *Khaṭṭābi* mengatakan bahawa tujuan hadith tersebut ialah untuk memperingatkan seorang muslim supaya tidak membiasakan diri dengan sifat tersebut kerana ditakuti ia akan membawa kepada hakikat nifak yang sebenar.

⁷⁷*Ibid.*

⁷⁸Muhammad bin ‘Adlān al-Ṣiddīqī al-Syāfi‘ī,(t.t), *Dalīl Fālihīn*, Beirut : Dār al-Fikr jil. 4, hal 381.

Keadaan ini sepertimana kisah *Tha'labah* yang mana Allah (جل و علا) telah menceritakannya dalam ayat:

فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَى يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُوا اللَّهَ
مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Maksudnya : "Akibatnya Allah (جل و علا) menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka (berkekalan) hingga ke masa mereka menemui Allah (جل و علا), kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada Allah (جل و علا) dan juga kerana mereka sentiasa berdusta".⁷⁹

Sesungguhnya *Tha'labah* telah mungkir janji dan berbohong. Jadi hadith ini adalah suatu bentuk kewaspadaan dan peringatan daripada sifat buruk ini yang mana akan menjerumuskan tuannya ke dalam nifak hakiki.⁸⁰

Walaubagaimana pun, sebahagian ulama seperti *Sa'īd bin Jubayr* dan 'Atā' bin Abi Ribāh berkata yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah para munafik di zaman Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) yang mana mereka mengaku beriman serta berbohong (tentang keimanan mereka), mereka kononnya bersifat amanah kemudian mereka khianati dan mereka melampau dalam perbalahan.⁸¹

⁷⁹ *al-Tawbah* 9 : 77.

⁸⁰ Muhammad Bin Isma'īl al-San'āni al-Amir, (1379H), *Subul al-Salām*, Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, jil. 4, hal.174.

⁸¹ Ibn Taymiyyah (1406H), *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil.1, hal 195.

3.8 Sifat-Sifat Munafik Amalan Yang Lain

Selain dari tanda-tanda yang disebutkan di atas masih terdapat tanda-tanda yang lain yang disebutkan dalam hadith-hadith. Walaubagaimana pun, sifat-sifat ini kurang diberi perhatian serta kurang popular di kalangan masyarakat.

Tanda-tanda ini tetap tidak kurang pentingnya dan perlu diketahui oleh masyarakat agar terjauh dari kehinaan nifak.

3.8.1 Memarahi Dan Membenci Golongan Anṣār

Berkenaan dengan perkara ini Rasulullah (ﷺ) telah bersabda,

آية الإيمان حب الأنصار وآية النفاق بغض الأنصار

Maksudnya: "Tanda keimanan seseorang ialah mencintai (golongan) Anṣār dan tanda nifak ialah memarahi (memusuhi) Anṣār".⁸²

⁸² Muhammad bin Isma'īl Al-Bukhārī, (1407H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dār Ibn Kathīr, jil. 1, hal. 14.

Dalam riwayat yang lain,

الأنصار لا يحبهم إلا مؤمن ولا يبغضهم إلا منافق
فمن أحبهم أحب الله ومن أبغضهم أبغضه الله

Maksudnya : "Seseorang tidak akan mengasihi golongan Anṣār melainkan dia seorang mukmin dan tidak akan membencinya melainkan munafik. Sesiapa yang mencintainya mereka, Allah (ﷻ) akan mencintainya pula. Dan sesiapa yang memusuhi mereka maka Allah (ﷻ) akan memusuhinya pula".⁸³

Golongan Anṣār di sini ialah mereka yang menolong Baginda (ﷺ) yang terdiri dari golongan Aws dan Khazraj. Sebelumnya mereka dikenali dengan Bani Qaylah. Pemberian nama tersebut dilakukan oleh Baginda (ﷺ) sendiri. Gelaran itu juga teruntuk kepada anak, cucu, rakan (yang bersumpah setia)⁸⁴ dan hamba-hamba mereka.⁸⁵ Ini adalah suatu anugerah yang sangat besar yang dikurniakan oleh Allah (ﷻ).

⁸³ Al-Sindi, *op.cit.*, jil 2, hal 210.

⁸⁴ Dinamakan *Ḥalīf*.

⁸⁵ Ibn Hajar al-ʿAsqalāni, *op. cit.*, jil 1, hal. 63.

3.8.2 Tinggal Jumaat 3 Kali Berturut-Turut

عن أبي الجعد الضمري قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من ترك الجمعة ثلاثاً من غير عذر فهو منافق

Maksudnya : Dari Abu al-Ja'd al-Damri yang berkata bahawa Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) bersabda : "Sesiapa yang meninggalkan sembahyang jumaat tiga kali berturut-turut tanpa uzur, dia adalah munafik".⁸⁶

Menurut hadith ini bahawa sesiapa yang meninggalkan jumaat tanpa uzur *syāri'i*(yang dibenarkan) akan dikira sebagai seorang munafik. Ia tergolong dalam golongan munafik amalan.

3.8.3 Sengaja Melewat-lewatkan Sembahyang Asar

Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) bersabda,

تلك صلاة المنافق يجلس يرقب الشمس حتى إذا كانت بين
قرني الشيطان

⁸⁶ Muhammad bin Hibbān bin Ahmad, (1414H), *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, jil.1 hal.491.

Maksudnya : Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Itulah sembahyang munafik iaitu seorang dari kamu yang melewati sembahyang asar sehingga matahari berada di atas dua tanduk syaitan. (ketika matahari hampir terbenam)”⁸⁷

3.8.4 Tidak Hadir Ke Medan Perang Dan Tidak Bercita-cita Untuk Berperang

Rasulullah (ﷺ) telah bersabda ,

من مات ولم يغزو ولم يحدث نفسه مات على شعبة من نفاق

Maksudnya : “Sesiapa yang mati sedangkan dia tidak berperang, juga tiada cita-cita dalam hatinya untuk berperang maka matinya adalah (salah satu)dari cabang nifak”.⁸⁸

3.8.5 Banyak Bercakap Dan Menggunakan Bahasa Yang Kesat

عن أبي أمامة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال الحياء والعبي

شعبتان من الإيمان والبذاء والبيان شعبتان من النفاق

⁸⁷ Muslim Bin Hajjaj al-Qusyairi al-Nisaburi, (1995M), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, jil. 1, hal.434. Selepas ini disebut Muslim sahaja. Menurut pendapat Imam al-Nawawi tanduk syaitan ini bermaksud syaitan berkumpul ketika matahari hampir terbenam begitu juga pada masa terbit matahari. Ini kerana orang kafir sujud kepada matahari pada waktu tersebut itu. Sila lihat al-Nawawi, *op.cit.*, juz 5 hal 124.

⁸⁸ Muslim, *op.cit.*, jil. 13, hal. 56.

Maksudnya : Dari Abu Umāmah bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, "Malu dan kurang bercakap itu adalah dua cabang dari keimanan. (Sementara) kata-kata kesat dan banyak cakap itu adalah dua cabang dari nifak".⁸⁹

Ulasan

Kesemua hadith yang di sebutkan menunjukkan bahawa sifat munafik tidak hanya dikhususkan kepada tiga atau empat tanda sahaja (seperti yang disebutkan dalam hadith yang utama), malahan masih terdapat banyak tanda yang lain yang harus diberi perhatian.

Jumhur ulama bersetuju bahawa orang yang mempunyai sifat-sifat di atas adalah dikira orang munafik dari sudut amalannya⁹⁰ selagi mana dia membenarkan Islam dalam hatinya.

Namun, pendapat jumhur ini bukanlah untuk meringan-ringankan amaran Rasulullah (ﷺ) mengenai hal ini kerana balasan yang dijanjikan terhadap orang ini pun sudah terlalu berat untuk ditanggung.

⁸⁹Muhammad Bin 'Īsa al-Tirmidhi, (1406H), *Sunan al-Tirmidhi*, Beirut, : Dār 'Ihya' Turāth al-

'Arabi, jil. 4, hal 375. Selepas ini disebut al-Tirmidhi sahaja.

⁹⁰ Ibn Kathīr, *op. cit.*, jil 1, hal. 57.

3.9 Cara-Cara Menjauhi Nifak

Nifak boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Seseorang Islam mungkin terjatuh ke dalam salah satu sifat munafik dan pada ketika yang lain terselamat darinya. Tiada kayu pengukur yang dapat memastikan bahawa seseorang mukmin terhindar dari kemunafikan selama-lamanya.

Apa yang dapat dilakukan ialah berusaha agar nifak dapat dijauhi dari peribadi seorang Islam. Cara yang paling baik ialah dengan berpegang teguh dengan ajaran Islam iaitu melakukan segala suruhan Islam dan menjauhi segala larangannya.

Walaupun bagaimanapun, Rasulullah (ﷺ) telah menganjurkan beberapa amalan utama yang harus dilakukan agar seorang Islam terjauh dari sifat yang amat hina ini.

Rasulullah (ﷺ) telah menerangkan dalam beberapa hadith tentang amalan ini.

3.9.1 Sembahyang Di Masjid Al-Nabawi Sebanyak 40 Waktu.

عن أنس بن مالك عن النبي صلى الله عليه وسلم قال من
صلى في مسجدي أربعين صلاة لا تفوته صلاة كتب له براءة
من النار وبرائة من العذاب وبريء من النفاق

*Maksudnya : Anas Bin Mālik meriwayatkan dari Nabi yang bersabda, "sesiapa yang bersembahyang di masjidku sebanyak 40 kali sembahyang fardu tanpa ketinggalan satu fardu pun, dituliskan baginya kebebasan dari api neraka, kebebasan dari azab dan kebebasan dari sifat nifak."*⁹¹

Walaupun demikian pun, hendaklah diingat bahawa sembahyang ini adalah sembahyang yang sempurna dengan sunnah Rasulullah (ﷺ) iaitu wuduk yang sempurna, berjemaah, sempurna rukun dan syarat sembahyang dan lain-lain yang telah ditunjuk ajar oleh Rasulullah (ﷺ). Jika tidak demikian, sembahyang tersebut hanyalah sekadar formaliti dan tidak memberi manfaat besar.

Ini kerana sembahyang yang sebenarnya pasti mencegah seseorang dari perkara mungkar sebagaimana Firman Allah (ﷻ),

⁹¹Riwayat Tirmidhi dan Tabarāni dalam al-Awsat sanadnya siqah. Sila Lihat Ali Bin Abi Bakr al-Haythami, (1407H) *Majma' al-Zawā'id*. Qāhirah : Dār al-Kutub al-'Arabi, jil.4, hal.8.

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya : “Sesungguhnya sembahyang (yang sebenar) mencegah dari fahsyā’ dan mungkar”.⁹²

Sebuah hadith lagi menyebutkan,

عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
من صلى لله أربعين يوما في جماعة يدرك التكبيرة الأولى
كتب له براءة من النار وبراءة من النفاق

Maksudnya : Berkata Anas bin Mālik bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “sesiapa yang bersembahyang jamaah selama 40 hari tanpa ketinggalan takbir yang pertama ditulis baginya dua kelepasan ; kelepasan dari neraka dan kelepasan dari sifat nifak”.⁹³

Imam al-Ṭibī⁹⁴ menyatakan bahawa kebebasan dari nifak bermaksud keamanan di dunia dari melakukan perbuatan munafik dan diberi taufik untuk

⁹² *al-Ankabūt* 29 : 45

⁹³ Al-Tirmidhi, *op.cit.*, jil 2 hal.7. Hadith ini adalah da‘if. Walaubagaimana pun, Ibn Hajar al-‘Asqalāni mengharuskan beramal dengan hadith da‘if dalam perkara fādāil A‘māl. Sila lihat Abd al-Rahmān Bin Abi Bakr al-Ṣuyūṭi, (1407H) *Tadrib al-Rāwī* Riyāḍ : Maktabah al-Riyāḍ al-Hadīthah, jil.1 hal.298

⁹⁴ Beliau adalah Syaraf al-Dīn Hasan bin Muhammad al-Ṭibī. Seorang imam yang amat masyhur dalam ilmu hadith. Beliau mengarang banyak kitab antaranya ialah *al-Kāsyif ‘an Haqā’iq al-Sunan* yang merupakan kitab syarh kepada *Misykāt al-Maṣābiḥ* dan menjadi sumber rujukan kepada ulama-ulama hadith. Beliau wafat pada tahun 743H.

beramal dengan ikhlas. Sedangkan di akhirat dia mendapat keamanan dari azab yang ditimpakan ke atas munafik.⁹⁵

3.9.2 Berdoa Memohon Perlindungan Dari Nifak

Dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* diterangkan bahawa sunat memohon perlindungan dengan daripada nifak.⁹⁶

عن أنس قال كان النبي صلى الله عليه وسلم يدعو يقول
اللهم إني أعوذ بك من العجز والكسل والبخل والهرم والقسوة
والغفلة والذلة والمسكنة وأعوذ بك من الفقر والكفر والشرك
والنفاق والسمعة والرياء

Maksudnya : Dari Anas bahawa Rasulullah (ﷺ) berdoa dengan berkata, " Ya Allah (إله وملك), aku berindung dengan Allah daripada sifat lemah, malas, bakhil, tua (nyanyuk), keras hati, kelupaan, kehinaan, kepapaan dan aku berindung dengan-Mu dari kefakiran, kufur, syirik, nifak, kemegahan dan riyak ".⁹⁷

3.9.3 Banyak Berzikir

⁹⁵Muhammad bin Abd Al-Rahmān al-Mubārakfūrī, (1402H) *Tuhfah al-Ahwadhī*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil 2 hal 40.

⁹⁶ Ibn Ḥibbān, *op.cit.*, jil.3 hal.300.

⁹⁷ *Ibid.*

عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
من أكثر ذكر الله فقد برئ من النفاق

Maksudnya : "Sesiapa yang banyak berzikir (mengingati) Allah (جَل و عَلا) maka sesungguhnya dia terlepas (terjauh) dari nifak".⁹⁸

3.9.4 Banyak Berselawat Kepada Rasulullah (صلى الله عليه وسلم)

عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
من صلى علي صلاة واحدة صلى الله عليه بها عشرا ومن
صلى علي عشرا صلى الله عليه مائة ومن صلى علي مائة
كتب الله له براءة من النفاق بين عينيه وبراءة من النار
وأنزله الله يوم القيامة مع الشهداء

Maksudnya: Dari Anas Bin Mālik meriwayatkan bahawa Rasulullah (صلى الله عليه وسلم) bersabda, "sesiapa yang berselawat ke atas-Ku sekali Allah (جَل و عَلا) akan berselawat (memberi rahmat) ke atasnya sepuluh kali. Barangsiapa yang berselawat ke atas-Ku sepuluh kali, Allah (جَل و عَلا) akan berselawat (memberi rahmat) kepadanya seratus kali dan sesiapa yang berselawat ke atas-Ku seratus kali, maka Allah (جَل و عَلا) menuliskan baginya kebebasan dari nifak dan kebebasan dari neraka dan digolongkan bersama para syuhada' pada hari Kiamat".⁹⁹

⁹⁸ Abu al-Qāsim Sulayman Bin Ahmad al-Tabarāni, (1415H) *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, Qāhirah : Dār al-Haramayn, jil. 7 hal. 86.

⁹⁹ Riwayat Tabarani, sanadnya siqah melainkan Ibrahim bin Salim bin Salim al-Hajimi yang tidak dikenali oleh Al-Haythami. Sila lihat al-Haythami, *op.cit.*, jil.10 hal.163.

Kesemua hadits di atas menganjurkan amalan yang boleh menjauhkan seseorang mukmin dari kemunafikan. Dengan itu, seseorang mukmin mesti berusaha sedaya upaya menjauhi sifat ini.

3.10 Taubat Munafik

Segala balasan di dunia mahupun siksaan di akhirat adalah merupakan suatu pengajaran kepada mereka yang berfikir. Hanya suatu cara sahaja sebagai suatu jalan pelepasan iaitu bertaubat kepada Allah (ﷻ) dengan sepenuh keikhlasan serta benar dalam keimanan.

Firman Allah (ﷻ):

وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ
وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya : "Dialah Allah (ﷻ) yang menerima taubat dari hamba-Nya dan memaafkan segala kesalahan dan mengetahui segala apa yang kamu perbuatkan".¹⁰⁰

¹⁰⁰ al-Syûra 42 : 25.

Sabda Rasulullah (ﷺ),

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه
وسلم قال لما قضى الله الخلق كتب عنده فوق عرشه
إن رحمتي سبقت غضبي

Maksudnya : Dari Abu Hurayrah bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, "Ketika Allah (ﷻ) selesai menjadikan makhluk-Nya, ditulis disisi-Nya di atas Arasy-Nya, sesungguhnya rahmat-Ku mendahului kemurkaan-Ku".¹⁰¹

Dalam persoalan taubat munafik terdapat dua pendapat ulama berkenaan penerimaan taubat tersebut iaitu:

- 1) Tidak diterima. Pendapat ini didokong oleh Imam Mālik dan salah satu pendapat Imam Abu Hanīfah.¹⁰² Mereka memberi dalil dengan firman Allah (ﷻ),

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُوا

Maksudnya : "Melainkan orang yang bertaubat, memperbaiki dan menjelaskan (kedudukan mereka sebagai telah bertaubat)"

¹⁰³

¹⁰¹ Al-Bukhārī, *op. cit.*, jil. 6, hal. 2712.

¹⁰² Abdullah Bin Ahmad Bin Qudāmāh al-Maqdīsī, (1405H), *al-Mughni*, Beirut : Dār al-Fikr, jil.9 hal. 18.

¹⁰³ *al-Baqarah* 2 : 160.

Sedangkan munafik tidak kelihatan tanda yang menjelaskan kedudukan mereka telah bertaubat. Ini kerana mereka bermuka-muka Islam dan menyembunyikan kufur. Bila mereka berterusan begitu, dakwaan taubat mereka tidak memberi sebarang implikasi berbanding pendirian mereka yang terdahulu iaitu bermuka-muka dengan keIslaman mereka.

Alasan lain taubat mereka tidak diterima ialah, mereka berulang kali murtad seperti mana firman Allah (٤١ و ٤٢),

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا
لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ سَبِيلًا

Maksudnya : "Sesungguhnya orang yang beriman kemudian kufur, kemudian beiman kembali kemudian kembali kufur lalu menambah lagi kekufuran mereka, Allah (٤١ و ٤٢) tidak akan mengampunkan mereka dan tidak akan menunjukkan jalan hidayat kepada mereka".¹⁰⁴

2) Diterima taubatnya apabila ia bertaubat dengan sebenar-benar taubat.

Ini adalah pendapat jumhur ulama dan berpandukan dalil-dalil Al-Quran dan hadith.

Pendapat golongan yang kedua ini lebih dipegang kerana Al-Quran telah menyebutkan berkenaan taubat munafik dalam surah *al-Nisā'* ayat 146.

¹⁰⁴ *al-Nisā'* 4 : 137.

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَاعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَأَخْلَصُوا
 دِينَهُمْ لِلَّهِ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ وَسَوْفَ يُؤْتِ اللَّهُ
 الْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا

Maksudnya : “Melainkan orang-orang (munafik) yang bertaubat, memperbaiki dan berpegang teguh dengan (janji) Allah (ﷻ) serta ikhlas agamanya kepada Allah (ﷻ) merekalah bersama-sama orang mukminin. Dan Allah (ﷻ) akan memberi mengganjari orang mukmin dengan ganjaran yang amat besar”.¹⁰⁵

Menurut Imam Qurtubi syarat seseorang munafik yang ingin bertaubat kepada Allah (ﷻ) ialah seperti berikut :

- 1) Memperbetul dan memperelokkan kata-kata dan perbuatannya.
- 2) Berpegang teguh kepada Allah (ﷻ) iaitu menjadikan Allah (ﷻ) Tuhan dan pelindungnya.
- 3) Mengikhlaskan agamanya kepada Allah (ﷻ).¹⁰⁶

Imam al-Tabari pula menghuraikan dengan lebih lanjut syarat-syarat tersebut iaitu:

¹⁰⁵ *al-Nisā'* 4 : 146.

¹⁰⁶ Al-Qurtubi, *op.cit.*, jil. 5, hal 426.
 jil.5 hal.426.

- 1) Memperbaiki dan memperelokkan amalan dengan mengamalkan apa yang Allah (ﷻ) perintahkan serta menunaikan segala kefarduan, mencegah diri dari apa yang dilarang dan maksiat.
- 2) Berpegang teguh dengan janji Allah (ﷻ) iaitu ketetapan yang sudah termaktub di dalam kitab terhadap makhluknya mentaatinya dan menjauhi maksiat.
- 3) Ikhlas beragama kepada Tuhan iaitu ikhlas dalam ketaatan dan amalan yang dilakukan semata-mata kerana Allah (ﷻ) tanpa riyak dan ragu-ragu.¹⁰⁷

Al-Şabūni pula berkata bahawa syarat taubat mestilah terkandung empat perkara iaitu:

- 1) Taubah
- 2) Membetulkan kembali segala kesalahan,
- 3) Kembali berpegang dengan agama Islam
- 4) Ikhlas.¹⁰⁸

¹⁰⁷ Al-Ṭabari, (1405H), *op.cit.*, jil 5, hal.338

¹⁰⁸ Muhammad 'Ali al-Şabūni, (1982M), *Safwah al-Tafāsīr*, Beirut : Dār Al-Quran, , jil.1, hal 241.

3.11 Balasan Terhadap Golongan Munafik

Sesungguhnya Allah (ﷻ) mentadbirkan alam dan makhluknya dengan sempurna. Dialah yang memerintah dengan seadil-adil-Nya. Setiap yang berhak akan mendapat haknya. Membalas baik dengan kebaikan dan membalas buruk dengan kejahatan.

Al-Quran dan hadith telah menyatakan dengan jelas tentang balasan buruk kepada munafik di dunia dan akhirat.

Firman Allah (ﷻ),

بَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Maksudnya: "Gembirakanlah para munafik dengan azab yang pedih".¹⁰⁹

Ayat ini dengan jelas mengancam para munafik dalam bentuk ejekan. Ini kerana sikap mereka yang keras dan degil harus dibalas dengan tindakan serupa.

¹⁰⁹ *al-Nisa'* 4: 138

3.11.1 Balasan Di Dunia

Munafik iktikad adalah kafir dan dengan ini, mereka juga digolongkan dalam golongan murtad. Ini disebabkan mereka mengaku Islam tetapi pada waktu yang lain mereka murtad dari agama Islam.

Maka, orang murtad iaitu yang keluar dari agama Islam setelah memeluknya dihukum dengan hukuman bunuh. Itulah sebaik-baik hukuman dan balasan terhadap jenayah yang teramat buruk ini.¹¹⁰

Al-Syaykh Abdul Rahman al-Dusari berkata mengenai sebab pembunuhan orang murtad, : “Boleh jadi perintah Nabi supaya dibunuh orang murtad iaitu yang keluar dari Islam setelah memeluknya, bertujuan untuk menyekat orang munafik dan menakutkan mereka sehinggalah mereka tertahan dari melakukan pembohongan dan tipu daya untuk mengeluarkan manusia dari Islam kepada kekufuran.¹¹¹

¹¹⁰ Abdullah bin Salim al-Hamid, (1408H) *al-Tasyri' al-Jinā'iy al-Islami*, Beirut : Dār Al-Fikr, hal. 123.

¹¹¹ Abdul Rahman al-Dusāri, (1405H) *Al-Nifāq Wa Āthāruhū wa mafahīmihī*, Beirut : Dār Al-Fikr, hal. 95.

Di sini timbul satu persoalan, sekira mereka harus dibunuh, mengapa Rasulullah (ﷺ) tidak membunuh mereka dalam keadaan Rasulullah (ﷺ) mengetahui tentang kemunafikan mereka?

Persoalan ini telah dijawab oleh *Imam Qurṭubī* dengan membawa empat hujah:

Hujah Pertama:

Sesetengan ulama berpendapat mereka tidak dibunuh kerana hanya Rasulullah (ﷺ) seorang sahaja yang mengetahui tentang tentang para munafik itu. Dan seorang hakim tidak boleh membuat keputusan bunuh hanya berpandukan pengetahuannya sahaja (tanpa bukti).

Hujah Kedua:

Mengikut pendapat pengikut *al-Syāfiʿī*, mereka tidak dibunuh kerana mereka itu *zindīq*¹¹². Dan golongan *zindīq* hanya diminta bertaubat dan tidak dibunuh.

¹¹² *Zindīq* bererti seseorang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran. Sila lihat Jamā'ah Min Kibār al-Lughawīyyīn, (1989M) *al-Muʿjam al-ʿArabi al-Asāsī*, al-Munazzamah al-ʿArabiyyah, li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-ʿUlūm, hal.587.

Hujah Ketiga :

Mereka tidak dibunuh kerana bertujuan untuk menjinakkan hati orang ranai agar tidak menjauhkan diri dari Islam. Rasulullah (ﷺ) telah menggambarkan keadaan ini dalam hadith Baginda (ﷺ),

معاذ الله أن يتحدث الناس أني أقتل أصحابي

Maksudnya : “Aku berindung dengan Allah (ﷻ) daripada cemuhan manusia yang akan mengatakan bahawa Aku(Muhammad (ﷺ)) membunuh sahabatnya sendiri”.¹¹³

Hujah ini menunjukkan bahawa Rasulullah (ﷺ) memilih kemaslahatan umum masyarakat Arab yang baru menjinakkan diri kepada Islam. Sekiranya Rasulullah (ﷺ) melakukannya juga, kemungkinan besar ramai masyarakat Arab yang melarikan diri dari Islam. Sedangkan mereka tidak tahu bahawa pembunuhan munafik itu adalah kerana disebabkan kekufuran mereka.¹¹⁴

¹¹³ Muslim, *op.cit.*, jil. 2, hal.740.

¹¹⁴ Ibn Kathir, *op. cit.*, jil 1, hal. 49.

Hujah Keempat:

Allah (ﷻ) telah menjaga para sahabat Rasulullah (ﷺ) dan melindungi mereka. Dengan sebab itu, kewujudan para munafik tidaklah mampu menggugat kedudukan orang Islam.¹¹⁵

Ini adalah sepertimana yang difirmankan oleh Allah (ﷻ),

لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ

Maksudnya : "Orang yang sesat tidak mampu memudharatkan kamu selagi mana kamu beroleh hidayat".¹¹⁶

Imam Al-Syāfi'i berpendapat bahawa Rasulullah (ﷺ) tidak membunuh munafik kerana mereka masih mengaku Islam dalam keadaan Rasulullah (ﷺ) mengetahui kemunafikan mereka. Ini kerana, selagi mereka mengaku sedemikian maka, mereka masih dikira Islam dan mendapat hak yang sama seperti orang Islam yang lain.

Ini diperkukuhkan dengan hadith Baginda (ﷺ),

¹¹⁵ Al-Qurtubi, *op.cit.*, jil. 1, hal 198-199.

¹¹⁶ *al-Mā'idah* 5: 105.

أمرت أن أقاتل الناس حتى يقولوا لا إله إلا الله
فإذا قالوها عصموا مني دماءهم وأموالهم إلا
بحقها وحسابهم على الله عز وجل

Maksudnya : “Aku diperintahkan untuk memerangai manusia sehingga mereka mengucap “لا إله إلا الله” apabila mereka telah mengucapkannya maka terselamatlah darah dan harta mereka melainkan dengan sebab yang dibenarkan. Segala perkiraan ke atas diri mereka adalah terserah kepada Allah (ﷻ)”.¹¹⁷

Imam Mālik pula berpendapat bahawa munafik pada zaman Rasulullah (ﷺ) adalah *zindiq*. Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa ulama berselisih pendapat tentang *zindiq* adakah dibunuh atau pun tidak.¹¹⁸ Namun, menurut pendapat ulama *al-Syafi'i*, dia tidak dibunuh malahan diminta bertaubat.¹¹⁹

Kaum munafik hidup dalam keadaan kehinaan dan tiada kemuliaan atau pun kekuatan. Ini sepertimana firman Allah (ﷻ):

وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya : “Dan bagi Allah (ﷻ) keperkasaan dan bagi Rasul-Nya dan orang mukminin tetapi golongan munafik tidak mengetahuinya”.¹²⁰

¹¹⁷ Ibn Kathīr, *op. cit.*, jil 1, hal. 50.

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Al-Qurtūbi, *op. cit.*, jil. 1, hal 199.

¹²⁰ *al-Munāfiqūn* 63 : 8.

Allah (ﷻ) telah menggambarkan bahawa kekuatan dan kemuliaan hanya berada dipihak orang mukmin dan tiada kekuatan di pihak munafik.¹²¹

Antara balasan lain yang menimpa golongan munafik di dunia ialah seperti apa yang berlaku kepada *Abdullah bin Ubay* pada hari kematiannya.

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh *Abu Sufyān* dari *Jābir* bahawa ketika Rasulullah (ﷺ) baru pulang dari satu perjalanan. Setelah hampir sampai ke Madinah, berlaku ribut yang amat kuat sehingga hampir-hampir menenggelamkan penunggang-penunggang kuda. Maka Rasulullah (ﷺ) bersabda bahawa angin kencang itu disebabkan kematian seorang munafik.

Apabila Rasulullah (ﷺ) sampai ke Madinah ternyata kematian itu adalah kematian *Abdullah Bin Ubay* – ketua para munafik. Mengikut Imam al-Nawawi, kedatangan ribut ini adalah disebabkan balasan terhadap munafik itu dan juga merupakan tanda-tanda kematiannya.¹²²

¹²¹Ibn Taymiyyah, (1406H), *op.cit.*, jil. 1, hal 159.

¹²²Al-Nawawi, *op.cit.*, juz 17 hal 126-127.

3.11.2 Balasan Munafik Di Akhirat

Akhirat ialah tempat pembalasan di mana tiada bermanfaat segala harta benda dan anak pinak melainkan mereka yang kembali kepada Allah (ﷻ) dengan hati yang sejahtera dari kekufuran dan nifak.¹²³ Para munafik pada hari itu tidak mendapat apa-apa keuntungan dari kemunafikan mereka. Seperti firman Allah (ﷻ):

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيَعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً
حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ فَوَفَّاهُ حِسَابَهُ
وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya : “Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama fatamorgana di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah (ﷻ) di sisi amalnya, lalu Allah (ﷻ) menyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah (ﷻ) Amat segera hitungan hisab-Nya”.¹²⁴

Adapun para munafik pada ketika itu dalam keadaan yang penuh dengan kehinaan seperti firman Allah (ﷻ),

¹²³ *al-Syu‘ara’* 26 : 73 & 74.

¹²⁴ *al-Nūr* 24 : 39.

يَوْمَ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ لِلَّذِينَ آمَنُوا
انظُرُونَا نَقْتَبِسْ مِنْ نُورِكُمْ

Maksudnya : “(Ingatlah) semasa orang-orang munafik, lelaki dan perempuan (yang sedang meraba-raba dalam gelap-gelita pada hari kiamat), berkata kepada orang-orang yang beriman: “Tunggulah kami, biarlah kami mengambil sedikit dari cahaya kamu”.¹²⁵

Maka, tiba-tiba datang suara yang telah memberi peringatan seperti ketika mereka hidup di dunia.

قِيلَ ارْجِعُوا وَرَاءَكُمْ فَالْتَمِسُوا نُورًا

Maksudnya : “(Lalu) dikatakan (kepada mereka secara mengejek-ejek): “Baliklah kamu ke belakang, kemudian carilah cahaya (di sana),”¹²⁶

Ertinya, munafik disuruh kembali kerana cahaya di akhirat hanya didapati berdasarkan amalan salih di dunia. Apabila tiada lagi cahaya di akhirat, mereka diperli supaya mencarinya semula di dunia sedangkan semua itu adalah mustahil belaka.¹²⁷

¹²⁵ *Al-Hadid* 57 : 13.

¹²⁶ *Al-Hadid* 57 : 13.

¹²⁷ Sayyid Qutb, (1982) *Fi Zilal Al-Quran*, Dār Syurūq, jil. 7, hal. 726.

3.11.2.1 Terpisah Mereka Dari Golongan Mukmin Dan Pendedahan Terhadap Perbuatan Mereka.

Hari Kiamat adalah hari pemisahan yang memisahkan di antara orang mukmin dan munafik sekalipun di dunia ini mereka bercampur gaul di dalam satu jamaah.

فَضْرَبَ بَيْنَهُمْ بِسُورٍ لَهُ بَابٌ بَاطِنُهُ فِيهِ الرَّحْمَةُ
وَوَظَاهِرُهُ مِنْ قِبَلِهِ الْعَذَابُ

Maksudnya : "Maka diadankanlah di antara mereka (yang beriman dan yang munafik itu) sebuah tembok yang mempunyai pintu, di sebelah dalamnya mengandung rahmat (Syurga dan nikmat), dan di sebelah luarnya, dari situ terdapat (neraka) dan azab seksa".¹²⁸

Yang dimaksudkan dengan "السور" di sini ialah tembok pemisah di antara ahli syurga dan neraka kemudian Allah (ﷻ) mengkhabarkan lagi dalam firman-Nya,

يُنَادُوهُمْ أَلَمْ تَكُنْ مَعَكُمْ

Maksudnya : "(Pada saat itu) mereka (yang munafik) menyeru orang-orang yang beriman (sambil berkata): "Bukankah kami bercampur gaul dengan kamu (di dunia dahulu)?"¹²⁹

¹²⁸ Al-Ĥadīd 57 : 13.

¹²⁹ Al-Ĥadīd 57 : 14.

Dengan erti, kami berkompromi dengan kamu dalam perkara-perkara zahir iaitu kami bersembahyang bersama kamu di masjid kamu dan juga kami beramal dengan amalan Islam seperti kamu. Kemudian Allah (ﷻ) memberi perkhabaran tentang jawapan orang mukmin kepada mereka,

قَالُوا بَلَىٰ وَلَكِنَّكُمْ فَتَنْتُمْ أَنْفُسَكُمْ وَتَرَبَّصْتُمْ وَارْتَبْتُمْ وَغَرَّتْكُمُ
الْأَمَانِيُّ حَتَّىٰ جَاءَ أَمْرُ اللَّهِ وَغَرَّكُمْ بِاللَّهِ الْغُرُورُ (14)

Maksudnya : “Orang-orang yang beriman menjawab: “Benar! Akan tetapi kamu telah membinasakan diri kamu (dengan perbuatan munafik) dan kamu telah menunggu-nunggu (kebinasaan umat Islam), dan kamu pula ragu-ragu (terhadap perkara-perkara ugama) serta kamu diperdayakan oleh angan-angan kosong (untuk mencapai maksud kamu), sehinggalah datangnya (maut) yang ditetapkan oleh Allah (ﷻ) (kepada kamu). Dan (selain itu), kamu pula diperdayakan oleh bisikan Syaitan dengan (pengampunan) Allah (ﷻ) (semata-mata dan melupakan azabNya)”.¹³⁰

Lalu, berakhirlah segalanya selepas sikap tidak berprinsip mereka di antara iman dan kufur dalam keadaan syaitan menguasai dan memperdaya mereka dengan janji kosong.

¹³⁰ *Al-Hadid* 57: 14.

3.11.2.2 Para Munafik Berada Di Dasar Neraka

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang munafik itu (akan berada) ditempat paling bawah di dalam neraka”.¹³¹

Abu Hurayrah telah berkata “ الدرك الأسفل ” adalah rumah-rumah yang terdapat banyak pintu, bertingkat-tingkat di atas mereka. Maka mereka dibakar dari atas dan dari bawah. Ini adalah balasan terhadap kekufuran dan tiada siapa yang akan menolong mereka serta melepaskan dari azab yang pedih.¹³²

Sabda Rasulullah (ﷺ),

قال في أمّتي اثنا عشر منافقا لا يدخلون الجنة ولا يجدون
ريحها حتى يلج الجمل في سم الخياط

Maksudnya : “Sesungguhnya dari kalangan umat-ku terdapat dua belas munafik yang tidak akan memasuki syurga bahkan tidak dapat menghidu baunya sehinggalah unta masuk ke dalam lubang jarum (bermaksud mustahil)”¹³³

¹³¹ *al-Nisā'* 4 : 145.

¹³² Ibn Kathir, *op. cit.*, jil 1, hal. 350.

¹³³ Muslim, *op. cit.*, jil. 4, hal.2143.

Hadith ini bermaksud adalah mustahil si munafik akan memasuki syurga sepertimana mustahilnya unta masuk ke dalam lubang jarum.

Begitulah janji Allah (ﷻ) dan Rasul-Nya mengenai balasan kepada munafik kerana perbuatan yang mereka lakukan. Amat malanglah bagi mereka kerana tertipu dengan dunia yang sementara, sedangkan akhiratlah yang kekal selama-lamanya.

Firman Allah (ﷻ),

بَلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا (16) وَالْآخِرَةَ خَيْرٌ وَأَبْقَى (17)

Maksudnya : "Bahkan kebanyakan kamu tidak melakukan yang demikian), bahkan kamu utamakan kehidupan dunia; Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal".¹³⁴

¹³⁴ *al-A'la'* 87 : 16 & 17